TRMANATHAN A/L THANGAVELU

lwn.

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI MALAYSIA DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, TAIPING
DATO' HAJI ABDUL MALIK BIN HAJI ISHAK PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-8-93]
25 OGOS 1993

HABEAS CORPUS: Penahanan dibawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 - Samada sah - Tomahan bahawa pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak yang lain dari yang diperintahkan tanpa perintah pindaan dibawah s. 12 Ordinan - Samada tomahan dapat dibuktikan - Samada pengikrar afidavit sokongan mempunyai pengetahuan yang nyata dan tepat tentang penahanan pemohon.

Pemohon dalam kes ini telah dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang dibawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan memohon satu writ *habeas corpus* bagi pembebasannya.

Peguam pemohon menyatakan, antara lain, bahawa pemohon pada masa ini tidak ditahan di Pulau Jerejak sebagaimana diperintahkan tetapi ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor. Menurut Peguam penahanan pemohon di Simpang Renggam itu tidak sah kerana penahanan tersebut dibuat tanpa satu perintah pindaan seperti yang diperuntukkan oleh s. 12 Ordinan 1969. Satu afidavit sokongan bagi pihak pemohon telah diikrarkan oleh abang pemohon tetapi kandungan afidavit tersebut tidak menyatakan bahawa pemohon kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam. Ia sebaliknya hanya menyatakan secara umum bahawa responden telah gagal mematuhi s. 4(1) dan s. 12 Ordinan 1969.

Persoalan penting yang timbul ialah samada terdapat bukti nyata bahawa pemohon sesungguhnya telah ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak di simpang Renggam dan jika begitu, samada penahanan tersebut penahanan yang teratur dan sah di sisi undang-undang.

Diputuskan:

[1] Dalam kes *habeas corpus* sudah menjadi prinsip undang-undang bahawa, jika kandungan afidavit-afidavit tidak mencukupi untuk membuktikan pematuhan kepada sesuatu kehendak undang-undang, maka walaupun penentang mungkin mempunyai alasan yang baik dan munasabah untuk menahan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, Mahkamah tidak ada pilihan lain melainkan memerintahkan pembebasan orang tahanan itu.

[2] Walaupun s. 367 Kanun Prosedur Jenayah membenarkan orang lain membuat afidavit bagi pihak pemohon dalam keadaan tertentu, tetapi isi kandungan afidavit orang lain itu mestilah mengandungi perkara yang benar-benar didalam pengetahuannya. Dalam kes ini afidavit abang pemohon tidak menyatakan secara terperinci dan tepat bahawa pemohon kini berada di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam dan afidavit tersebut nyata tidak mencerminkan pengetahuannya tentang penahanan pemohon. Tomahan secara tidak nyata sebegini tidak boleh dibenarkan kerana ianya menyebabkan ketidakadilan terhadap penentang yang tentu sekali tidak dapat membangkitkan penentangan melalui afidavit dengan sewajarnya.

[3] Didalam kes *habeas corpus* pemohon berhak mengambil apa jua kecacatan penentang termasuk kecacatan teknikal untuk mengukuhkan permohonan pemohon. Walaupun begitu pemohon mestilah pada awalnya menimbulkan di dalam afidavitnya berkenaan kecacatan itu. Jelas dalam afidavit abang pemohon perkara perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak, Pulau Pinang, tidak langsung dibangkitkan dan ini tidak memungkinkan penentang untuk membuat apa-apa jawapan dalam afidavitnya.

[4] Setelah menimbang keadaan kes ini Mahkamah berpuas hati bahawa pemohon masih berada dalam jagaan polis dalam tempoh perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang itu. Penahanan pemohon juga adalah teratur dan sah dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Ordinan 1969.

[Permohonan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:
Overseas Investment Pte. Ltd lwn. Anthony Wiliam O'Bbrien & Anor [1988] 3 MLJ 332 ***(dirujuk)***
Oo Hua Lai lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1990] 2 CLJ 368 ***(dirujuk)***
Yap Swee Lai & Yang Lain lwn Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain [1991] 2 CLJ 1137 ***(dirujuk)***
Liew Kim Swee lwn. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Anor [1991] 1 CLJ 53 ***(dirujuk)***
Goh Thong Hua lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia dan Satu Lagi [1991] 1 CLJ 692/(Jun 1991) 3 Kanun (2) 118 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Prosedur Jenayah, ss. 366, 367
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, ss. 3(1), 4(1), 12

Bagi pihak pemohon - V. Shanmugam; T/n. Shanmugam & Co.
Bagi pihak defendan - Mahmud bin Hj. Abdullah, PP

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Abdul Malik bin Hj. Ishak PK:
Ini adalah satu permohonan untuk writ *habeas corpus* bagi membebaskan pemohon yang ditahan selama dua tahun mulai 13 Februari 1993 di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 (selepas ini disebut "Ordinan 1969"). Pemohon telah ditangkap pada 18 Disember 1992, jam 10.00 pagi oleh Inspektor T. Raveendran a/l Tharumalingam beserta dengan pasukan polis yang lain di Jalan Duta, Kuala Lumpur di bawah s. 3(1) Ordinan 1969. Alasan penahanan pemohon telah diterangkan oleh Inspektor T.Raveendran. Secara ringkas alasan penahanan pemohon adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu adalah seorang ahli kumpulan kongsi gelap yang melakukan kegiatan jenayah kekerasan dimana tindakan kamu itu telah menjejas dan memudaratkan ketenteraman awam.

Di dalam permohonan ini, Encik V. Shanmugam, Peguam pemohon, telah mengutarakan dua alasan bagi mempertikaikan kesahan penahanan pemohon di bawah Ordinan 1969.

Alasan Pertama

Bahawa pemohon pada masa ini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor Bahru tanpa satu perintah pindaan di bawah s. 12 Ordinan 1969.

Abang kepada pemohon yang bernama Silwanathan s/o Thangga Velu telah membuat afidavit bagi pihak pemohon, dan di perenggan 7 afidavit beliau terdapat ungkapan ayat yang berbunyi demikian:

> Pihak Respondan (**iaitu Penentang**) tidak mematuhi s. 4(1) dan s. 12 Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.
> (penekanan dibuat)

Berdasarkan perenggan 7 afidavit Silwanathan, Peguam pemohon telah menghujah bahawa tanpa satu perintah di bawah s. 12 Ordinan 1969 dan tanpa apa-apa afidavit daripada pihak penentang untuk menunjukkan pematuhan terhadap s. 12 Ordinan 1969, maka penahanan pemohon tidak sah di sisi undang-undang dan pemohon berhak dibebaskan. Tidak dinafikan bahawa keterangan dalam kes-kes *habeas corpus* adalah berdasarkan afidavit-afidavit, dan sudah menjadi prinsip undang-undang bahawa jika kandungan afidavit-afidavit tidak mencukupi untuk membuktikan pematuhan kepada sesuatu kehendak prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang, maka walaupun penentang mungkin mempunyai alasan yang baik dan munasabah untuk menahan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, Mahkamah tidak ada pilihan lain melainkan untuk memerintahkan pembebasan orang tahanan itu.

Encik Mahmud bin Hj. Abdullah, Peguam Persekutuan di Kementerian Dalam Negeri, yang bertindak bagi pihak penentang telah berhujah bahawa abang pemohon yang mengikrarkan afidavit bagi pihak pemohon menyatakan dengan jelas di perenggan 2 afidavit beliau bahawa"... kini pemohon sedang menjalani perintah tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang" dan bukan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor Bahru, maka tomahan yang kononnya pemohon kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam tidak berasas dan tidak disokong oleh apa-apa bukti. Peguam Persekutuan selanjutnya menghujahkan bahawa Peguam pemohon sendirinya menyatakan di dalam Mahkamah semasa berhujah bahawa pemohon kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam dan perkara ini tidak dinyatakan di dalam afidavit abang pemohon.

Ingin ditegaskan di sini walaupun s. 367 Kanun Prosedur Jenayah membenarkan orang lain (di sini abang pemohon) membuat afidavit bagi pihak pemohon dalam keadaan tertentu, tetapi isi kandungan afidavit orang lain itu (di sini abang pemohon) mesti mengandungi perkara yang benar-benar di dalam pengetahuannya. Perenggan 7 afidavit abang pemohon seperti yang disebutkan di atas, tidak menyatakan secara tepat dan terperinci bahawa pemohon kini berada di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor Bahru. Hanya dengan menyatakan s. 12 Ordinan 1969 di perenggan 7 di dalam afidavit abang pemohon tidak mencukupi untuk memberi gambaran yang sebenarnya. Sebab itulah afidavit-afidavit penentang tidak membangkitkan persoalan penahanan pemohon di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam.

Adalah penghakiman saya bahawa tidak adil bagi abang pemohon untuk mendeposkan afidavitnya secara samar-samar. Membenarkan abang pemohon berbuat demikian bererti ketidakadilan terhadap penentang yang tidak dapat bangkitkan di dalam afidavitnya bagi menentang permohonan pemohon, terutama sekali jika jawapan itu hanya boleh dilakukan dengan satu cara sahaja, iaitu melalui afidavit.

Oleh itu, alasan pertama ini ditolak.

Alasan Kedua

Bahawa tidak ada keterangan berkenaan apa yang berlaku semasa pihak polis mengeskot pemohon daripada Kuala Lumpur sehingga pemohon dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang.

Inspektor T. Raveendran telah mendeposkan di dalam afidavitnya bahawa pada 14 Februari 1993 jam 8.00 pagi pemohon telah dieskot ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang. Dan Encik Supri bin Hashim, Penguasa Penjara, Pusat Pemulihan Akhlak di dalam afidavitnya bagi pihak penentang telah menyatakan bahawa pemohon dibawa masuk ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak pada 15 Februari 1993 di bawah s. 4(1) Ordinan 1969. Peguam pemohon telah berhujah bahawa perjalanan darat dengan menggunakan kenderaan bermotor mengambil masa, daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, selama 6 jam sahaja, maka tanpa bukti dimana pegawai yang mengeskot pemohon berhenti sama ada di penjara atau balai polis, mengakibatkan penahanan pemohon tidak sah di sisi undang-undang.

Tidak dinafikan bahawa di dalam kes-kes *habeas corpus,* pemohon berhak mengambil apa jua kecacatan penentang untuk mengkukuhkan permohonan dan justeru itu untuk membatalkan perintah tahanan. Segala kecacatan teknikal boleh dibangkitkan oleh pemohon. Tetapi walaupun pemohon mempunyai hak ini, pemohon mesti pada awalnya menimbulkan di dalam afidavitnya berkenaan kecacatan teknikal itu. Jelas di dalam afidavit abang pemohon, perkara ini tidak langsung dibangkitkan dan tanpa dibangkitkan macam mana pihak penentang boleh menjawabnya di dalam afidavit mereka.

Persoalan yang perlu diputuskan ialah, adakah dalam keadaan kes ini, **saya berpuashati pemohon masih di dalam jagaan polis** daripada mula beliau dieskot pada 14 Februari 1993 jam 8.00 pagi sehingga 15 Februari 1993 bila pemohon diterima masuk di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang.

Setelah menimbang keadaan kes ini, saya berpuashati bahawa pemohon masih di dalam jagaan polis pada tempoh tersebut. Keputusan ini dicapai atas sebab-sebab berikut.

Pertama, s. 366 Kanun Prosedur Jenayah dengan jelas menggariskan bahawa sesuatu *habeas coprus* dikehendaki disokong oleh satu afidavit yang menyatakan dimana dan oleh siapa pemohon ditahan dan setakat yang diketahui fakta-fakta berkenaan penahanan itu supaya Mahkamah berpuashati bahawa ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahwa pemohon ditahan tanpa kemahuannya dan tanpa sebab-sebab yang berpatutan. Di dalam kes ini, afidavit abang pemohon tidak mengandungi butir-butir terperinci berkenaan penahanan pemohon khususnya berkenaan apa yang berlaku di dalam perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Hanya pemohon sahaja yang tahu berkenaan perkara ini dan walaupun abang pemohon berhak membuat afidavit bagi pihak pemohon seperti saya nyatakan tadi, tetapi beliau gagal membutirkan apa yang berlaku di dalam perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Sama ada pihak polis yang mengeskot pemohon singgah di mana-mana penjara atau di balai polis adalah

merupakan hujah Peguam pemohon sahaja dan tidak dinyatakan di dalam afidavit abang pemohon.

Kedua, afidavit-afidavit Inspektor T. Raveendran dan Encik Supri bin Hashim jelas menyokong **hakikat** bahawa pemohon dieskot daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan pemohon memang di dalam kawalan polis berterusan. Tanpa bukti sebaliknya di dalam afidavit abang pemohon, saya tidak mendapati apa-apa sebab yang cukup dan munasabah mengapa saya tidak menerima kenyataan bersumpah mereka itu.

Oleh itu, alasan kedua pemohon juga tidak dapat diterima dan ditolak.

Kajian terperinci telah dibuat ke atas segala afidavit-afidavit dan hujah-hujah yang dikepilkan dan diutarakan oleh kedua-dua pihak dan saya berpuashati bahwa penahanan pemohon adalah teratur dan sah, dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Ordinan 1969.

Oleh yang demikian, permohonan pemohon adalah ditolak.

UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION BHD.

lwn.

WONG KAM HONG DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. ARIFIN BIN HJ. JAKA PK
[GUAMAN SIVIL NO. 22-117-1989]
19 JANUARI 1994

AMALAN DAN PROSEDUR: Kelewatan menetapkan kes untuk perbicaraan - Samada kelewatan manasabah - Samada defendan telah diprejudis - Samada kelewatan boleh membatalkan prosiding - Samada A. 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak dipatuhi.

AMALAN DAN PROSEDUR: Bantahan terhadap kuasa Peguam untuk bertindak bagi pihak klien - Samada bantahan tidak terhad oleh jangka waktu - Beban bukti - Samada beban untuk membuktikan kewujudan locus standi terletak ke atas pihak yang dibantah - Samada Mahkamah mempunyai inherent jurisdiction untuk melayan bantahan pada bila-bila masa.

Ini adalah permohonan oleh defendan-defendan untuk mendapatkan perintah membatalkan writ saman dan penyata tuntutan plaintif atas alasan, pertama, bahawa peguam plaintif tidak mempunyai locus standi untuk bertindak bagi pihak plaintif kerana tidak dilantik dengan sempurnanya dan kedua, kerana plaintif telah gagal memfailkan penetapan perbicaraan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut perintah Mahkamah bertarikh 1 September 1987 ekoran satu Saman Meminta Arahan yang dipohon oleh plaintif dan sekaligus gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Fakta kes menunjukkan bahawa Pengurus Cawangan plaintif di Melaka dalam afidavitnya telah mengikrarkan antara lain bahawa "The plaintiff had at the commencement of this action appointed Messrs. Nik Hussain & Partners as their solicitors and I hereby ratify the same". Defendan-defendan bagaimanapun menghujah bahawa kandungan afidavit ini tidak cukup untuk membuktikan bahawa Peguam plaintif mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak plaintif. Fakta kes juga menunjukkan bahawa perintah Mahkamah bertarikh 1 September 1987 antara lain mengkehendakki plaintif memfailkan penetapan perbicaraan bagi